



e-Tazkirah | Bil. 9 | Mac 2021 - Rajab 1442H

FAZAKKIR

URUS PERBEZAAN PENDAPAT DENGAN BAIK

Perbezaan pendapat dalam kalangan umat Islam pada asasnya adalah perkara yang dibenarkan dalam Islam. Ini kerana ia adalah tindakan menggunakan akal kurniaan Allah untuk berfikir secara kritis terhadap sesuatu perkara untuk mendapatkan solusi yang terbaik.

Atas asas ini wujudnya konsep "khilaf" yang membolehkan umat Islam berbeza pandangan dalam sesuatu isu. Walaubagaimana pun ini tidaklah bermaksud semua perkara dalam Islam boleh didebatkan atau dinilai menggunakan akal semata mata. Islam adalah agama yang datang daripada Allah Azza, wa jalla Pencipta, Pemilik dan Penguasa alam ini (رب المخلقين). Jadi sudah semestinya agama ini memandu manusia dalam berfikir. Dengan wahyu itulah manusia mengetahui tentang yang haq dan batil, hakikat dan fantasi, makruf dan mungkar.

Dengan erti kata lain tidak semua perkara dalam Islam boleh dikhilafkan atau dinilai menggunakan akal. Bagi orang beriman ada ketikanya kita hanya perlu dengar dan patuh (سَمِعْ وَأَطَعْ) walaupun ianya tidak dapat difahami oleh akal. Saidina Ali ra pernah menegaskan perkara ini saat wujud pada zamannya usaha-usaha menafsir agama dengan akal:

لَوْ كَانَ الْبَيْنَ بِالرَّأْيِ لَكَانَ أَشْفَلُ الْحُفَّ أَوْلَى بِالْفُتُوحِ مِنْ أَعْلَاهُ

Sekiranya agama itu berdasarkan kepada logik akal semata, nescayalah bahagian bawah khuf itu lebih utama untuk disapu berbanding bahagian atasnya.
(Riwayat Abu Daud)

Dalam sejarah para nabi berlaku perdebatan /perbezaan seperti mana debat Nabi Ibrahim dengan Namrud, Nabi Musa dengan Fir'aun, Nabi Lut dengan kaumnya, Nabi Muhammad dengan Yahudi. Maka al-Quran meletakkan asas iaitu uruskan perbezaan pendapat serta pandangan dengan hikmah. Firman Allah dalam Surah Taha ayat 44 :

Maksudnya: Kemudian hendaklah kamu berkata kepadanya, dengan kata-kata yang lemah-lembut, semoga dia BERINGAT DAN TAKUT (kepada Allah).

KATA HIKMAH AL-IMAM AS-SYAFIE
*"Apakah kita tidak boleh berbeza pendapat,
dalam masa sama kita menjadi saudara."*



SIKAP TERPUJI IMAM AS-SYAFIE **DALAM MENGURUS PERBEZAAN PENDAPAT**

- i. Tidak lantang bersuara 'berkempen' kepada masyarakat hanya pendapatnya yang betul dan pendapat orang lain salah.
- ii. Mengutamakan ukhuwah Islamiah (persaudaraan Islam) berbanding menegakkan pendapat sendiri.
- iii. Sentiasa menghormati ketokohan para ilmuan lain.
- iv. Mengamalkan sifat keterbukaan dalam persoalan berbeza pandangan. Contoh : pada suatu hari Imam As-Syafie mendirikan solat Subuh di masjid berhampiran perkuburan Imam Abu Hanifah ketika rakaat kedua, beliau tidak membaca doa qunut yang lazim beliau amalkan ketika solat.
- v. Jangan cepat menuding jari pendapat seseorang itu bertentangan dengan sunnah.
- vi. Elakkan diri untuk melemparkan kata-kata hinaan terhadap pendapat tokoh yang lain.



*Diterbitkan oleh
Unit Hal Ehwal Islam,
UiTM Cawangan Selangor*

